

## **TEKS KHUTBAH JUMAAT NEGERI JOHOR 2017-2018: ANALISIS TAJUK DAN STATUS HADITH DALAM TEKS**

**Munirah Zakaria**

Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor  
*munirah188@uitm.edu.my*

**Syaimak Ismail**

Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor  
*syaimak@uitm.edu.my*

**Farah Hamizah Samsuddin**

Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor  
*farah848@uitm.edu.my*

**Nazrudin Hashim**

Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor  
*nazrudin@uitm.edu.my*

**Mohd Zainodin Mustaffa**

Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor  
*mohdz334@uitm.edu.my*

**Kamarulzaman Sulaiman**

Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor  
*kamar149@uitm.edu.my*

### **ABSTRAK**

Teks khutbah negeri Johor merupakan satu platform penting dalam memberi peringatan serta nasihat kepada masyarakat Islam yang berada di Johor. Ia merupakan medium terbaik bagi menyampaikan pesanan kepada umat Islam berkenaan isu akidah, Syariah dan akhlak serta isu-isu semasa yang berlaku di negeri Johor. Kajian ini memfokuskan kepada dua aspek, iaitu; bentuk pemilihan tajuk khutbah sepanjang tahun 2017-2018 dan status hadith yang digunakan untuk menyokong tajuk khutbah bagi setiap khutbah Jumaat sepanjang tahun 2017-2018 di negeri Johor. Kedua-dua kaedah kualitatif dan kuantitatif diimplementasikan bagi menjawab objektif serta persoalan berkaitan penyelidikan. Selain kaedah analisis kandungan, kaedah takhrij hadith juga digunakan dalam kajian ini bagi menentukan status hadith, manakala analisis deskriptif diperoleh menggunakan perisian Statistical Packages for Social Sciences [SPSS 26.0]. Hasil kajian mendapati tajuk-tajuk teks khutbah sepanjang tahun 2017-2018 bersifat mendidik selain memberikan input-input penting berkaitan isu-isu agama dan membahaskan topik semasa yang berlaku di negeri Johor dengan sokongan dalil ayat al-quran dan hadith yang betepatan dengan

tajuk. Namun begitu, penggunaan hadith dhaif di dalam teks khutbah perlu diberi perhatian oleh penulis teks khutbah negeri Johor supaya maklumat yang disampaikan tidak mengelirukan masyarakat.

**Kata Kunci:** Teks Khutbah, JAINJ, 2017-2018, Analisis, Tajuk, Status Hadith

## ***JOHOR STATE FRIDAY SERMON TEXT 2017-2018: ANALYSIS OF TITLE AND HADITH STATUS IN TEXT***

### ***ABSTRACT***

*The text of the Johor state sermon is an important platform in giving warnings and advice to the Muslim community in Johor. It is the best medium to convey messages to Muslims regarding issues of faith, Shariah and morals as well as current issues that occur in the state of Johor. This study focuses on two aspects, namely; the form of selection of sermon titles throughout the year 2017-2018 and the status of hadith used to support the title of the sermon for each Friday sermon throughout the year 2017-2018 in the state of Johor. Both qualitative and quantitative methods are implemented to answer research objectives and questions. In addition to the content analysis method, hadith takhrij method is also used in this study to determine the status of hadith, while descriptive analysis was obtained using Statistical Packages for Social Sciences software [SPSS 26.0]. The results of the study found that the topics of the sermon text throughout the year 2017-2018 were educational as well as providing important inputs related to religious issues and discussing current topics that occur in the state of Johor with the support of proofs of Quranic verses and hadiths that coincide with the title. However, the use of weak hadith in the text of the sermon should be given attention by the author of the text of the sermon of the state of Johor so that the information presented does not confuse the community.*

**Keywords:** Sermon Text, JAINJ, 2017-2018, Analysis, Title, Hadith Status

### **PENDAHULUAN**

Solat Jumaat merupakan satu kewajipan yang harus ditunaikan oleh setiap umat Islam tidak kira walau di mana jua mereka berada. Khutbah Jumaat pula merupakan syarat wajib yang telah disyariatkan sewaktu zaman Rasulullah lagi selain memperlihatkan fungsi khutbah yang merangkumi pelbagai bidang sebagai medium komunikasi secara verbal. (Zulkiple Abd Ghani, 2003 h. 84). Khutbah Jumaat adalah asas kepada kekuatan umat Islam dalam usaha, memahami dan menghayati al-quran. Isi kandungan khutbah mampu menyerap dengan baik ke dalam fikiran dan jiwa pendengar disaat mereka sedang memberi tumpuan dalam soal ibadah. Setiap perkara yang keluar daripada hati akan meninggalkan kesan yang menadalam ke dalam hati manusia. Khutbah Jumaat sangat berpengaruh

dalam menyampaikan mesej pembangunan insaniah, pembangunan ukhrawi dan duniawi, persaudaraan, adab, akhlak, politik, ekonomi, kepimpinan dan menyebarkan pengaruh Islam kepada masyarakat. (Mohd Faizal bin Mat Nasan, 2002, h.3).

Khutbah terutamanya khutbah Jumaat mempunyai potensi besar bagi membentuk agenda tertentu untuk meningkatkan taraf kehidupan umat Islam ke arah kecemerlangan dalam merangsang dan memupuk pembangunan sahsiah dan pemikiran kritis dan positif. Impak peranan yang dimainkan bergantung kepada keberkesanan penyampaian dan penerimaan jemaah. Ini kerana, khutbah Jumaat merupakan asas tindakan mingguan bagi setiap individu muslim dalam masyarakat umpamanya bermula dengan menanam minat untuk memahami isu berfikir, berbahas, membuat keputusan dan seterusnya melakukan perubahan sikap sama ada kepada diri atau keluarga selari dengan kehendak isi khutbah. (Hj Abdullah bin Mat, 2003, h. 2) Menurut Ghazali (2003, h. 197) isi kandungan teks khutbah mesti menjurus ke arah permasalahan yang berlaku di kawasan setempat selain bijak mengawal ucapan dan penyampaian teks khutbah tersebut sesuai mengikut emosi, rohani dan intelek jemaah. Isi kandungan teks yang mantap dan kaedah penyampaian yang konsisten mampu meninggalkan kesan besar dalam jiwa pendengar. Walaupun sasaran khutbah Jumaat adalah golongan lelaki tetapi mereka menjadi agen penting dalam memastikan isu yang dibahaskan dalam khutbah Jumaat ini direalisasikan di peringkat keluarga, masyarakat dan negara.

Istilah khutbah berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud percakapan yang disampaikan oleh khatib. Perkataan khutbah menurut Ibn Manzur adalah percakapan yang mampu menjadi perangsang kepada pendengar. (Ibn Majah, no hadith 1126). Khutbah juga bermaksud percakapan yang ditujukan kepada orang ramai dan pendahuluan yang dibicarakan. (Ahmad al-Ayad et.al. (t.t), h. 404). Khutbah merupakan ucapan kata-kata yang baik yang disampaikan oleh seseorang dengan lidah yang fasih untuk sekumpulan manusia supaya mereka dapat menerimanya. Istilah khutbah juga memberi maksud himpunan undang-undang atau peraturan yang dapat mempengaruhi pendengar kerana di dalamnya mengandungi kesahihan fakta, pengajaran, motif dan maklumat. (Ab. Aziz Mohd Zin, 2001, h.4). Namun demikian, matlamat utama khutbah semestinya mahu memberikan bimbingan kepada manusia ke jalan yang benar. Khutbah bertindak sebagai saluran dakwah untuk membawa manusia kepada jalan Allah s.w.t selain mengarahkan pemikiran masyarakat agar terus meneguhkan akidah kepada Allah.

Khutbah juga menjadi cabang utama komunikasi dakwah yang bukan semata-mata bersifat informatif tetapi perlu memastikan mesej yang disampaikan itu membawa perubahan kepada khalayak seperti yang diinginkan oleh Islam. Jika dilihat dari kefahaman masyarakat Melayu terhadap khutbah, terdapat unsur-unsur kesucian pada khutbah di mana mesej yang dikemukakan dianggap mempunyai nilai yang tinggi untuk diterima pakai dalam kehidupan. Melalui situasi ini, khatib merupakan wadah utama dalam menentukan mesej yang disampaikan dapat meninggalkan kesan di hati para jemaah jauh lebih mudah berbanding dengan pemedato di atas pentas-pentas lain. Hubungan di antara khatib dan pendengar juga sedia terjalin melalui penghormatan yang diwujudkan

atas rasa keketuaan dalam bidang keagamaan. (Muhammad Nashiruddin, 2002, h.18)

Khutbah Jumaat pula adalah satu cara dakwah melalui lisan yang disampaikan kepada masyarakat pada setiap minggu. Pada hari berkenaan, umat Islam memenuhi masjid menunaikan solat Jumaat serta mendengar khutbah. Penyampaian khutbah dan teksnya memainkan peranan besar bagi menghasilkan khutbah yang menarik. Biarpun teks khutbah baik, namun boleh menjadi tidak menarik apabila disampaikan oleh khatib yang tidak menjiwainya, apatah lagi jika disampaikan tanpa persediaan. Justeru, ciri-ciri khutbah yang baik bergantung kepada khatib yang menyampaikan, topik yang dibicarakan, wujud unsur teguran, gaya penulisan yang menepati kaedah bahasa yang betul serta tarikan melalui persoalan yang dapat mengetuk hati pendengar berfikir.

Kajian ini dijalankan terhadap teks khutbah Jumaat negeri Johor 2017-2018 ekoran terdapat pertikaian mengenai kesahihan hadith mengenai Alqamah dalam teks khutbah Jumaat negeri Johor bertarikh 17 Mac 2017, bersamaan 18 Jamadil Akhir 1438H. Fokus utama kajian adalah kepada bentuk pemilihan tajuk khutbah dan status hadith yang digunakan untuk menyokong tajuk khutbah. Kaedah analisis kandungan digunakan bagi menganalisa tema dan tajuk teks khutbah. Manakala kaedah takhrij hadith digunakan bagi menentukan status hadith. Penggunaan hadith sahih di dalam teks khutbah dilihat sangat penting kerana penggunaan hadith dhaif atau maudu' secara tidak sedar boleh membawa kepada cabang permasalahan baru seperti kepercayaan dan pegangan kuat terhadap kata-kata atau ucapan yang tidak jelas daripada Rasulullah s.a.w. Sehubungan itu, kajian ini dilihat penting bagi melihat secara mendalam penggunaan hadith di dalam teks ini dan kepentingan menggunakan hadith sahih sebagai keutmaan dalam penulisan teks khutbah negeri Johor.

Analisis deskriptif mengenai tema, tajuk dan penggunaan hadith pula diperolehi menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Sciences* [SPSS 26.0]. Kajian ini dilihat penting kerana kandungan khutbah Jumaat mampu memberi impak yang positif kepada pembentukan sahsiah individu dan masyarakat. Hasil kajian ini juga boleh membantu Unit Khutbah dan Tafsir JAINJ menambahbaik mutu dan kualiti teks khutbah Jumaat negeri Johor dari semasa ke semasa. Selain daripada itu, hasil kajian boleh dijadikan rujukan kepada pengamal akademik dalam menghasilkan dan menerbitkan penyelidikan yang lebih mendalam dalam berkaitan kajian teks khutbah yang lebih bermutu pada masa akan datang.

## **PROSES PENULISAN DAN PENERBITAN KHUTBAH JUMAAT NEGERI JOHOR**

Penulisan dan penerbitan teks khutbah Jumaat negeri Johor adalah berada di bawah seliaan Bahagian Pengurusan Masjid, JAINJ. Prosedur penerbitannya adalah bermula dengan merangka tajuk di awal tahun untuk tempoh setahun. Antara faktor yang diambil kira dalam merangka tajuk adalah hari-hari kebesaran Islam, isu-isu semasa yang berlaku di negeri Johor terhadap umat Islam, isu-isu yang berterusan dan belum selesai (seperti isu akidah), isu-isu sempena sambutan

hari-hari tertentu seperti dadah, alam sekitar, OKU dan sebagainya. Kemudian, sebuah bengkel penyediaan khutbah yang dianggotai oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Agama Islam Johor, Jabatan Mufti Johor dan Jabatan Pendidikan Johor akan diadakan bagi melihat kesesuaian tajuk yang dipilih dengan isu-isu semasa sebelum memulakan proses penulisan. Ketua Unit Khutbah & Tafsir akan menyemak teks-teks tersebut sebelum membentangkannya di hadapan Lujnah Penyemak yang terdiri daripada Mufti, Timbalan Mufti, Qadhi Besar dan Imam Besar Negeri Johor. Setelah itu baru dicetak dan diedarkan ke masjid-masjid sekitar negeri Johor. (Mohd Hafiz Abdul Rahman, 18 Februari 2020)

Bagi tujuan pengawalan kualiti, JAINJ telah mengeluarkan satu garis panduan penulisan teks khutbah bagi tahun 2020. Penulis perlu mematuhi format asas yang ditetapkan. Antaranya; kandungan khutbah hendaklah mengandungi puji-pujian terhadap Allah yang bersesuaian dengan tajuk khutbah. Kemudian diikuti dengan syahadah, selawat, seruan takwa, kata seru "Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah", diikuti dengan ayat 59 Surah al-Nisa' dan diakhiri dengan ta'awwuz dan satu ayat al-Quran yang lengkap. Selain itu, garis panduan tersebut menyediakan format khas bagi hujah syarak yang digunakan dalam khutbah, termasuk panduan penggunaan ayat al-Quran, hadith, dan hujah-hujah lain seperti pandangan sahabat serta pandangan ulamak. Isi juga perlu disokong dengan hujah yang benar dan sahih. Perkara lain yang dititikbertkan dalam garis panduan ini juga adalah larangan menyentuh kedaulatan raja-raja Melayu, ajaran-ajaran yang bertentangan dengan ajaran Ahl al-Sunnah wa al-Jamah, hasutan, fitnah, unsur-unsur politik dan lain-lain perkara yang bercanggah dengan ajaran Islam. Bagi penutup khutbah, JAINJ menetapkan supaya penulis menerapkan nasihat kepada para Jemaah. Kemudian menyimpulkan kesemua isi kandungan khutbah supaya difahami umum serta merangkumkan keseluruhan hujah menggunakan ayat al-Quran yang lengkap. Ayat al-Quran tersebut perlulah menepati tajuk khutbah. (Mohd Hafiz Abdul Rahman, 18 Februari 2020)

## **ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN**

### **Analisis Tema Teks Khutbah Jumaat Negeri Johor 2017-2018**

Berdasarkan kepada penyelidikan yang dijalankan, teks khutbah negeri Johor sepanjang tahun 2017 dan 2018 mempunyai tiga pecahan tema yang dibahaskan dalam penulisan teks khutbah iaitu perkara yang berkaitan dengan isu semasa yang berkaitan dengan negeri Johor, pendidikan dan peristiwa penting dalam kalendar Islam atau peristiwa penting di peringkat negeri Johor.

Jadual 2.1: Pecahan Tema Khutbah Jumaat 2017-2018

<b>Tema</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Isu Semasa	19	18.4
Pendidikan atau Pengajaran	69	66.3
Peristiwa Penting	16	15.3
Jumlah	104	100

Teks yang berkaitan dengan isu semasa ditulis berdasarkan kepada permasalahan yang berlaku dalam peringkat negeri Johor sama ada isi tersebut meliputi kes jenayah, kes pecah amanah atau isu berkaitan rasuah. Sepanjang tempoh 2017 hingga 2018 kekerapan penulisan berkaitan isu semasa adalah sebanyak 9 kali (18.4%). Penulisan teks khutbah yang berkaitan dengan peristiwa penting yang berlaku di negeri Johor atau peristiwa penting dalam kalendar Islam seperti peristiwa awal Muharam, Istiwa' Kaabah, bulan kelahiran Nabi Muhammad S.A.W, bulan Ramadan, peristiwa Nuzul al-Quran, malam Lailatul Qadar, peristiwa Isra' Mi'raj sambutan Hari Raya Puasa, musim haji, sambutan haru guru dan sambutan bulan kemerdekaan mempunyai kekerapan sebanyak 16 kali (15.3%) sepanjang tempoh dua tahun. Kekerapan yang terbesar adalah tema yang berkaitan dengan pendidikan atau pengajaran yang ingin disampaikan khatib sebagai peringatan kepada masyarakat Islam Johor agar sentiasa menjaga akhlak dan teladan dalam kehidupan seharian. Didikan dilihat sangat penting untuk mendidik jiwa masyarakat agar sentiasa bermal soleh dan berkelakuan baik selain menyampaikan ilmu untuk memenuhi ruang rohani masyarakat Islam daripada aspek akidah dan syariah. Kekerapan untuk tema ini adalah sebanyak 69 kali dengan jumlah peratusan 66.3%.

### **Analisis Tajuk Teks Khutbah Jumaat Negeri Johor 2017-2018**

Dalam teks khutbah Jumaat negeri Johor bagi tahun 2017 dan 2018, terdapat tiga kategori penting dijadikan platform dalam menghasilkan teks iaitu perkara melibatkan Akidah, Syariah dan Akhlak. Ketiga-tiga kategori ini menjadi asas dalam penulisan teks khutbah Jumaat di negeri Johor selain mempunyai kaitan rapat dengan tema tajuk yang memberi keutamaan kepada isu-isu semasa yang berlaku di negeri Johor, peristiwa besar dalam kalendar Islam atau peristiwa besar yang berlaku di peringkat negeri Johor dan isu-isu yang bersifat mendidik jiwa dan rohani masyarakat Islam di negeri Johor.

**Jadual 3.1:** Pecahan Tajuk Mengikut Kategori

<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Akidah	43	41.3
Syariah	30	28.8
Akhlak	31	29.8
Jumlah	104	100

Jadual 3.1 menunjukkan pecahan tajuk teks khutbah Jumaat Negeri Johor dari tahun 2017 hingga 2018 mengikut kategori. Daripada 104 minggu yang dikaji, 43 tajuk (41.3%) adalah berkaitan dengan akidah, 30 tajuk (28.8%) berkaitan dengan syariah, dan 31 tajuk (29.8%) lagi adalah berkaitan dengan akhlak. Secara keseluruhannya, pemilihan tajuk mengikut kategori akidah, syariah dan akhlak ini dilihat tidak seimbang penjumlahannya tetapi berdasarkan penyelidikan, tema dan tajuk khutbah mengikut kategori ini dilihat seimbang dalam menyampaikan ilmu, nasihat dan mendidik jiwa masyarakat Islam di negeri Johor seterusnya melengkapi kehendak masyarakat dalam proses

menerima maklumat serta ilmu melalui penyampaian khutbah Jumaat ini. Penekanan kepada isu akidah dianggap sangat mustahak dalam memelihara pemikiran dan pegangan umat Islam kepada Allah. Melihat kepada kerapuhan akidah yang dimiliki masyarakat Islam hari ini sememangnya memberi kekusaran kepada seluruh institusi Islam termasuk JAINJ. Masyarakat Islam hari ini menghadapi cabaran besar kerana ditekan dengan pengaruh barat yang berusaha keras untuk merosakan akidah umat Islam selain terpaksa menghadapi gelombang syiah dan fahaman-fahaman lain yang bertentangan dengan akidah masyarakat Islam Johor yang berpegang kepada Ahl al-Sunnah Wa al-Jamaah. Sehubungan itu, penyampaian khutbah berkaitan isu-isu akidah perlu disampaikan secara berkala agar umat Islam di Johor sentiasa peka dan dapat membezakan perkara-perkara asing yang bertentangan dengan akidah Islam. Isu akidah ini dianggap penting bagi memelihara kepercayaan umat Islam agar tidak bercabang dan menjadi punca perpecahan besar dalam kalangan umat Islam.

Berikut adalah taburan tajuk khutbah untuk kedua-dua tahun:

1) Kategori akidah

**Jadual 3.2:** Taburan Tajuk Khutbah Bagi Kategori Akidah

Bil.	Tarikh	Tajuk	Subkategori	
1	06/01/2017	08 Rabi' al-Akhir 1438H	Rasulullah SAW Di Hati	Beriman Kepada Rasul
2	13/01/2017	07 Rabi' al-Akhir 1438H	Nikmat Syurga Atau Azab Neraka	Beriman Kepada Hari Akhirat
3	27/01/2017	28 Rabi' al-Akhir 1438H	Alam Kubur	Beriman Kepada Hari Akhirat
4	10/02/2017	13 Jamadil Awal 1438H	Rebutlah Syurga Allah	Beriman Kepada Hari Akhirat
5	24/02/2017	27 Jamadil Awal 1438H	Apabila Terjadinya Kiamat	Beriman Kepada Hari Akhirat
6	10/03/2017	11 Jamadil Akhir 1438H	Amalan Dihisab	Beriman Kepada Hari Akhirat
7	24/03/2017	25 Jamadil Akhir 1438H	Hari Kebangkitan	Beriman Kepada Hari Akhirat
8	14/04/2017	17 Rajab 1438H	Tiupan Sangkakala	Beriman Kepada Hari Akhirat
9	21/04/2017	24 Rajab 1438H	Hikmah Israk Dan Mikraj	Beriman Kepada Rasul
10	26/05/2017	29 Syaaban 1438H	Tuntutan Ramadhan	Beriman Kepada Allah
11	02/06/2017	07 Ramadhan 1438H	Al-Quran Kalam Allah	Beriman Kepada Kitab
12	16/06/2017	21 Ramadhan 1438H	Lailatul Qadar	Beriman Kepada Allah

13	23/06/2017	28 Ramadhan 1438H	Bahagia Dunia, Bahagia Akhirat	Beriman Kepada Qadha' Dan Qadar
14	30/06/2017	06 Syawal 1438H	Hindarilah Su'ul Khatimah	Beriman Kepada Qadha' Dan Qadar
15	21/07/2017	27 Syawal 1438H	Hidupkan Sunnah Rasulullah	Beriman Kepada Rasul
16	01/09/2017	10 ZulHijjah 1438H	Nikmat Hidayah	Beriman Kepada Allah
17	08/09/2017	17 Zulhijjah 1438H	Mahsyar Yang Pasti Berlaku	Beriman Kepada Hari Akhirat
18	15/09/2017	24 Zulhijjah 1438H	Hijrah Yang Sebenar	Beriman Kepada Rasul
19	22/09/2017	02 Muharram 1439H	Persiapan Menuju Akhirat	Beriman Kepada Hari Akhirat
20	06/10/2017	16 Muharram 1439H	Berpegang Kepada Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah	Beriman Kepada Rasul
21	13/10/2017	22 Muharram 1439H	Hidup Mati Itu Ketentuan Allah	Beriman Kepada Qadha' Dan Qadar
22	27/10/2017	07 Safar 1439H	Buku Catatan Amal Kali Kedua Dibuka	Beriman Kepada Qadha' Dan Qadar
23	10/11/2017	21 Safar 1439H	Azab Neraka	Beriman Kepada Hari Akhirat
24	22/12/2017	03 Rabi' al- Akhir 1439H	Redha Allah Atau Redha Manusia	Beriman Kepada Allah
25	05/01/2018	17 Rabi' al- Akhir 1439H	Disemarakkan Syiar Islam Di Muka Bumi	Beriman Kepada Allah
26	19/01/2018	12 Jamadil Awal 1439H	Gerhana Bulan [Khutbah Khas]	Beriman Kepada Allah
27	09/20/2018	23 Jamadil Awal 1439H	Akhir Hayat Laa Ilaaha Illallah	Beriman Kepada Allah
28	09/02/2018	23 Jamadil Awal 1439H	Nikmat Dunia Yang Sementara	Beriman Kepada Hari Akhirat
29	16/03/2018	28 Jamadil Awal 1439H	Penghayatan Akidah	Beriman Kepada Allah
30	23/03/2018	05 Rajab 1439H	Kehidupan Dunia Adalah Ujian	Beriman Kepada Qadha' Dan Qadar
31	04/05/2018	11 Syaaban 1439H	Sifat 20 bagi Allah SWT	Beriman Kepada Allah
32	08/06/2018	23 Ramadhan 1439H	Kedatangan Malaikat Izrail	Beriman Kepada Malaikat

33	29/06/2018	15 Syawal 1439H	Wajah Hari Kebangkitan	Beriman Kepada Hari Akhirat
34	13/07/2018	29 Syawal 1439H	Janji Allah Itu Benar	Beriman Kepada Allah
35	24/08/2018	12 Zulhijjah 1439H	Qadha' Dan Qadar Allah	Beriman Kepada Qadha' Dan Qadar
36	31/08/2018	19 Zulhijjah 1439H	Gerhana Bulan- Khutbah Khas	Beriman Kepada Allah
37	14/09/2018	04 Muharram 1440H	Pelihara Hati	Beriman Kepada Allah
38	05/10/2018	25 Muharram 1440H	Jalan Menuju Syurga	Beriman Kepada Allah
39	19/10/2018	10 Safar 1440H	Usaha Dan Tawakal	Beriman Kepada Qadha' Dan Qadar
40	02/11/2018	24 Safar 1440H	Akidah Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah Aliran al- 'Asyairah dan al- Maturidiah	Beriman Kepada Rasul
41	09/11/2018	01 Rabi' al- Awal 1440H	Akidah Kukuh, Diri Teguh	Beriman Kepada Allah
42	16/11/2018	08 Rabi' al- Awal 1440H	Kasih Akan Rasulullah SAW	Beriman Kepada Rasul
43	30/11/2018	22 Rabi' al- Awal 1440H	Berpegang Teguh Dengan Islam	Beriman Kepada Allah

Jadual 3.3 pula menunjukkan kekerapan dan peratusan teks khutbah Jumaat Negeri Johor 2017-2018 bagi tajuk akidah. Keutamaan yang diberi ialah kepada tajuk-tajuk yang berkaitan dengan konsep beriman kepada Allah, iaitu sebanyak 15 tajuk (34.9%). Kedua, konsep beriman kepada Hari Akhirat, iaitu sebanyak 12 tajuk (27.9%). Kemudian beriman kepada Rasul serta Qadha' dan Qadar, dengan masing-masing sebanyak 7 tajuk (16.3%). Manakala bagi subkategori beriman kepada Malaikat dan Kitab, masing-masing adalah 1 tajuk (16.3%). Penekanan tajuk akidah dilihat sebagai satu bentuk ilmu yang disampaikan kepada masyarakat dalam memastikan kepercayaan masyarakat kepada ajaran Islam tidak goyah. Pengukuhan akidah sangat penting dalam memastikan ajaran Islam tidak dicemari oleh sebarang anasir luar selain berperanan sebagai tulang belakang untuk membetuk kekuatan perpaduan dalam kalangan masyarakat Islam di Johor.

**Jadual 3.3:** Subkategori Akidah

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Beriman Kepada Allah	15	34.9
Beriman Kepada Malaikat	1	2.3
Beriman Kepada Kitab	1	2.3
Beriman Kepada Rasul	7	16.3
Beriman Kepada Hari Akhirat	12	27.9
Beriman Kepada Qadha' Dan Qadar	7	16.3
Jumlah	43	100

2) Bidang Syariah

**Jadual 3.4:** Taburan Tajuk Khutbah Bagi Kategori Syariah

Bil.	Tarikh	Tajuk	Subkategori
1	03/02/2017	06 Jamadil Awal 1438H Azab Menanti Pengamal Riba	Muamalat
2	03/03/2017	04 Jamadil Akhir 1438H Bertambah Dengan Sebab Bersedekah	Muamalat
3	07/04/2017	10 Rajab 1438H Keagungan Bulan Haram	Ibadah
4	05/05/2017	08 Syaaban 1439H Menghidupkan Bulan Syaaban	Ibadah
5	19/05/2017	22 Syaaban 1439H Perbanyakkan Solat Sunat	Ibadah
6	09/06/2017	21 Ramadhan 1439H Keberkatan Dengan Berzakat	Ibadah
7	03/11/2017	14 Safar 1439H Keretakan Keluarga	Munakahat
8	24/11/2017	05 Rabi' al-Awal 1439H Bahaya Fitnah	Munakahat
9	08/12/2017	19 Rabi' al-Awal 1439H Harta Milik Allah	Ibadah
10	26/01/2018	09 Jamadil Awal 1439H Solat Penghubung Dengan Allah Dan Pendinding Dari Maksiat	Ibadah
11	23/02/2018	07 Jamadil Akhir 1439H Maqasid Syar'iyah Dalam Kehidupan	Ibadah
12	02/03/2018	14 Jamadil Akhir 1439H Apabila Masjid Tiada Pengimaran	Ibadah
13	09/03/2018	21 Jamadil Akhir 1439H Perceraian Dan Kesannya	Muamalat
14	06/04/2018	19 Rajab 1439H Syariat Islam Membangunkan Negara Maju	Kenegeraan

15	13/04/2018	26 Rajab 1439H	Pengajaran Israk Mikraj	Ibadah
16	27/04/2018	11 Syaaban 1439H	Awlawiyyat [Keutamaan] Dalam Kehidupan	Ibadah
17	18/05/2018	02 Ramadhan 1439H	Hikmah Ramadhan	Ibadah
18	25/05/2018	09 Ramadhan 1439H	Istiwa' Kaabah	Ibadah
19	01/06/2018	16 Ramadhan 1439H	Nuzul Quran	Ibadah
20	22/06/2018	08 Syawal 1439H	Persediaan Hadapi Munkar Nakir	Ibadah
21	06/07/2018	22 Syawal 1439H	Bersegera Mendirikan Solat Subuh	Ibadah
22	20/07/2018	07 Zulkaedah 1439H	Halal Itu Jelas	Muamalat
23	27/07/2018	14 Zulkaedah 1439H	Wasiat Dalam Islam	Muamalat
24	21/09/2018	11 Muharram 1440H	Tiada Rasa Nikmat Ibadah	Ibadah
25	28/09/2018	18 Muharram 1440H	Sakinah, Mawaddah, Rahmah Dalam Keluarga	Munakahat
26	12/10/2018	03 Safar 1440H	Harta Dunia Yang Tidak Pernah Cukup	Ibadah
27	07/12/2018	29 Rabi' al- Awal 1440H	Berzakat, Berwakaf dan Berinfaq	Ibadah
28	14/12/2018	06 Rabi' al- Akhir 1440H	Adab Menghadiri Solat	Ibadah
29	21/12/2018	13 Rabi' al- Akhir 1440H	Kasih Kepada Ibubapa	Munakahat
30	28/12/2018	20 Rabi' al- Akhir 1440H	Pelihara Alam Ciptaan Allah	Ibadah

Jadual 3.4 menunjukkan perincian tajuk khutbah bagi kategori Syariah. Tajuk-tajuk yang ditulis adalah berkaitan dengan lima subkategori, seperti di dalam jadual 1.5; iaitu Ibadah; 20 tajuk (66.7%), muamalat; 5 tajuk (16.6%), munakahat; 4 tajuk (13.3%) dan kenegaraan 1 tajuk (3.3%). Hasil kajian mendapati, topik-topik berkaitan ibadah lebih menjadi keutamaan penulis teks khutbah Negeri Johor 2017-2018 berbanding muamalat, munakahat dan kenegaraan. Pemilihan tajuk yang berkaitan isu munakahat dan muamalat ini adalah berdasarkan kepada keadaan semasa yang berlaku di negeri Johor. Johor mencatatkan jumlah perceraian ketiga tertinggi di Malaysia selepas Selangor dan Sabah bagi tahun 2017 dan 2018. (Berita Harian, 4 Mac, 2019) Sehubungan itu, tajuk khutbah berkaitan isu ini diberi penekanan oleh Lajnah Pengurusan Masjid JAINJ agar dapat memberi peringatan kepada masyarakat Islam di Johor tentang

kepentingan menjaga institusi kekeluargaan agar tidak mudah roboh dibadai ombak atau dicemari dengan akhlak negatif sehingga merosakan hubungan kekeluargaan yang dibina. Isu muamalat diberi penekanan dengan tujuan memberi ilmu dan maklumat kepada masyarakat berkenaan isu wakaf, zakat, amalan sedekah, riba dan pengurusan harta mengikut syariat Islam.

**Jadual 3.5:** Subkategori Syariah

Bidang	Kekerapan	Peratus (%)
Ibadah	20	66.7
Muamalat	5	16.6
Munakahat	4	13.3
Kenegaraan	1	3.3
Jumlah	30	100

3) Bidang Akhlak

**Jadual 3.6:** Taburan Tajuk Khutbah Bagi Kategori Akhlak

Bil.	Tarikh	Tajuk	Subkategori
1	20/01/2017	21 Rabi' al-Akhir 1438H	Akhlak Terhadap Allah
2	17/02/2017	20 Jamadil Awal 1438H	Akhlak Terhadap Allah
3	17/03/2017	18 Jamadil Awal 1438H	Akhlak Terhadap Manusia
4	28/04/2017	02 Syaaban 1438H	Akhlak Terhadap Allah
5	12/05/2017	15 Syaaban 1439H	Akhlak Terhadap Manusia
6	07/07/2017	13 Syawal 1439H	Akhlak Terhadap Manusia
7	14/07/2017	20 Syawal 1439H	Akhlak Terhadap Allah
8	28/07/2017	04 Zulkaedah 1439H	Akhlak Terhadap Manusia
9	04/08/2017	11 Zulkaedah 1439H	Akhlak Terhadap Manusia
10	11/08/2017	18 Zulkaedah 1439H	Akhlak Terhadap Manusia
11	18/08/2017	25 Zulkaedah	Akhlak

		1439H		Terhadap Manusia
12	25/08/2017	03 Zulhijjah 1439H	Hargai Nikmat Allah	Akhlak Terhadap Allah
13	29/09/2017	08 Muharram 1440H	Punca Perpecahan Mesti Dielakkan	Akhlak Terhadap Manusia
14	20/10/2017	29 Muharram 1440H	Bersama Cegah Maksiat	Akhlak Terhadap Manusia
15	17/11/2017	28 Safar 1439H	Mencintai Ilmu	Akhlak Terhadap Allah
16	01/12/2017	12 Rabi' al-Awal 1439H	Menghayati Perjuangan Rasulullah SAW	Akhlak Terhadap Allah
17	15/12/2017	26 Rabi' al-Awal 1439H	Muhasabah Diri	Akhlak Terhadap Allah
18	29/12/2017	26 Rabi' al-Akhir 1439H	Islam Menitikberatkan Kesihatan	Akhlak Terhadap Alam
19	12/01/2018	24 Rabi' al-Akhir 1439H	Amanah Satu Tanggungjawab	Akhlak Terhadap Allah
20	19/01/2018	12 Jamadil Awal 1439H	Hidupkan Usaha Dakwah	Akhlak Terhadap Manusia
21	16/02/2018	30 jamadil Awal 1439H	Apabila Anak Menjadi Tuan	Akhlak Terhadap Manusia
22	30/03/2018	12 Rajab 1439H	Akhlak Runtuh Negara Lumpuh	Akhlak Terhadap Manusia
23	20/04/2018	04 Syaaban 1439H	Gejala Sosial Tiada, Masyarakat Sejahtera	Akhlak Terhadap Manusia
24	11/05/2018	25 Syaaban 1439H	Guru Mukmin Pemangkin Generasi Muda	Akhlak Terhadap Manusia
25	15/06/2018	01 Syawal 1439H	Keadilan Islam	Akhlak Terhadap Manusia
26	03/08/2018	21 Zulhijjah 1439H	Selidik Dahulu	Akhlak Terhadap Manusia
27	10/08/2018	28 Zulkaedah 1439H	Mengejar Kebaikan	Akhlak Terhadap Allah
28	17/08/2018	05 Zulhijjah 1439H	Menyambut Panggilan Haji	Akhlak Terhadap Allah

29	07/09/2018	26 Zulhijjah 1439H	Ibrah Peristiwa Hijrah	Akhlak Terhadap Allah
30	26/10/2018	17 Safar1439H	Bangkitlah Wahai Umat Islam	Akhlak Terhadap Manusia
31	23/11/2018	15 Rabi' al- Akhir 1439H	Syukur Atau Kufur	Akhlak Terhadap Allah

Jadual 3.6 menunjukkan perincian tajuk khutbah Negeri Johor 2017-2018 bagi kategori akhlak. Tajuk-tajuk yang ditulis adalah berkaitan dengan tiga subkategori, seperti di dalam jadual 3.7; iaitu akhlak terhadap Allah; 13 tajuk (42%), akhlak terhadap manusia; 17 tajuk (54.8%), dan akhlak terhadap alam; 1 tajuk (3.2%). Penulis mendapati bahawa pada kedua-dua tahun tersebut, kecenderungan pemilihan tajuk akhlak adalah kepada akhlak terhadap manusia dan Allah. Manakala akhlak terhadap alam hanya sedikit dikupas. Penekanan akhlak manusia sesama manusia diberi penekanan memandangkan isu-isu semasa yang melibatkan jenayah di negeri Johor pada tahun 2017 agak tinggi dengan kadar 11, 307 kes dan 10, 339 kes pada tahun 2018. Isu-isu jenayah ini melibatkan pembunuhan, kecurian harta benda, penagihan dadah dan khianat. (Berita Harian, 2 Jan, 2019)

**Jadual 3.7:** Subkategori Akhlak

Bidang	Kekerapan	Peratus (%)
Akhlak Terhadap Allah	13	42
Akhlak Terhadap Manusia	17	54.8
Akhlak Terhadap Alam	1	3.2
Jumlah	31	100

### **Analisa Penggunaan Hadith Dalam Teks Khutbah Jumaat Negeri Johor 2017-2018**

Penggunaan dalil hadith dalam penulisan teks khutbah Jumaat membawa kepada pengukuhan mesej yang ingin disampaikan. Analisis data dalam topik ini membincangkan penggunaan hadith sebagai dalil sokongan dalam teks khutbah Jumaat di negeri Johor pada tahun 2017 dan 2018. Berikut adalah jadual mengenai taburan bilangan hadith yang dimasukkan dalam teks khutbah Jumaat di negeri Johor:

**Jadual 3.8:** Taburan Bilangan Hadith Dalam Teks Khutbah Negeri Johor 2017-2018

Bil	Perkara	Kekerapan	Peratus
1	Teks khutbah tanpa penggunaan hadith	28	26.9
2	Teks khutbah dengan 1 hadith	31	29.8
3	Teks khutbah dengan 2 hadith	25	24.0

4	Teks khutbah dengan 3 hadith	15	14.4
5	Teks khutbah dengan 4 hadith	4	3.8
6	Teks khutbah dengan 5 hadith	1	1.1
	Jumlah	104	100

Sepanjang tahun 2017 hingga 2018, jumlah teks khutbah Jumaat di negeri Johor ialah sebanyak 104. Dari jumlah berkenaan, hasil kajian mendapati terdapat 28 teks khutbah (26.9%) yang tidak menggunakan hadith dalam teks khutbah manakala baki 76 teks khutbah (73.1%) menggunakan hadith dalam teks khutbah dengan pelbagai bilangan hadith yang dimuatkan dalam sebuah teks khutbah Jumaat pada tahun 2017 hingga 2018. Hal ini menunjukkan teks khutbah Jumaat terbitan Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) memberi penekanan terhadap penggunaan hadith sebagai hujah selain dari penggunaan dalil dari al-quran dalam teks khutbah Jumaat di negeri Johor.

Kajian ini juga mengkaji mengenai riwayat hadith yang terdapat di dalam teks khutbah Jumaat. Riwayat bagi hadith turut berkepentingan dalam penentuan status hadith. Berikut adalah jadual mengenai taburan riwayat hadith yang terdapat di dalam teks khutbah Jumaat di negeri Johor:

**Jadual 3.9:** Taburan Riwayat Hadith Dalam Teks Khutbah Negeri Johor 2017-2018

Bil	Perkara	Kekerapan	Peratus
1	Riwayat Bukhari	30	20.4
2	Riwayat Muslim	18	12.2
3	Riwayat Tirmizi	23	15.7
4	Riwayat Ahmad	22	15.0
5	Riwayat Ibnu Majah	11	7.5
6	Riwayat Nasai	1	0.7
7	Lain-lain	9	6.1
8	Tidak dinyatakan	33	22.4
	Jumlah	147	100

Berdasarkan jadual di atas, pengkaji mendapati penulisan teks khutbah Jumaat yang dikaji ini menyandarkan hadith dari perawi yang masyhur iaitu Imam Bukhari, Imam Muslim, Imam Tirmizi, Imam Ahmad, Imam Ibnu Majah dan Imam Nasai. Hadith Riwayat Bukhari ditulis sebanyak 30 hadith (20.4%) dan Muslim sebanyak 18 hadith (12.2%). Selain itu, terdapat sembilan hadith (6.1%) yang diambil dari riwayat lain seperti Ibnu Hibban, al-Tabarani dan al-Baihaqi. Terdapat juga 33 hadith (22.4%) yang tidak dinyatakan riwayat di dalam

teks khutbah Jumaat yang dikaji. Hal ini memberi kesan dalam memastikan kesahihan dan status hadith yang digunakan sebagai sandaran.

Kajian ini turut memfokuskan kepada status hadith yang dimuatkan di dalam teks khutbah Jumaat. Status bagi hadith penting dalam menentukan hadith tersebut sama ada diterima atau sebaliknya. Berikut adalah jadual mengenai taburan status hadith yang diguna pakai di dalam teks khutbah Jumaat di negeri Johor:

**Jadual 3.10:** Taburan Status Hadith Dalam Teks Khutbah Negeri Johor 2017-2018

Bil	Perkara	Kekerapan	Peratus
1	Status hadith sahih	87	59.2
2	Status hadith hasan	31	21.1
3	Status hadith dhaif	4	2.7
4	Lain-lain	25	17.0
	Jumlah	147	100

Jumlah hadith yang ditulis di dalam teks khutbah Jumaat negeri Johor ialah 147. Berdasarkan dapatan kajian, terdapat 87 hadith (59.2%) yang berstatus sahih dimuatkan sebagai sokongan dalam teks khutbah Jumaat. Hadith yang berstatus hasan pula ialah 31 hadith (21.1%). Penggunaan hadith yang berstatus sahih dan hasan menunjukkan kekerapan yang tinggi berbanding yang lain.

Walaupun jumlah hadith yang berstatus sahih dan hasan menunjukkan kekerapan yang lebih besar, terdapat kewujudan hadith dhaif sebanyak 4 hadith (2.7%). Antara ciri hadith dhaif ialah sanad yang tidak bersambung atau perawi yang dipertikaikan di dalam sanad (Mohd. Norzi et. al 2017). Namun, terdapat pendapat yang membolehkan untuk beramal dengan hadith dhaif yang berkaitan dengan kelebihan beramal (Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2016). Contoh hadith dhaif yang terdapat di dalam teks khutbah Jumaat ialah seperti berikut:

- a) Hadith ini ditulis dalam teks Khutbah Jumaat Negeri Johor pada 17 Mac 2017 bersamaan 18 Jamadil Akhir 1438. Kajian ini mendapati bahawa terdapat hadith yang tidak ditemui sumber diletakkan di dalam teks khutbah Jumaat. Antara faktor yang menyebabkan kewujudan kategori ini ialah penulisan teks beserta hadith yang ditulis terjemahan dalam Bahasa Melayu sahaja dan hadith tidak diletakkan riwayat sebagai rujukan. Contoh hadith tersebut yang terdapat di dalam teks khutbah Jumaat ialah seperti berikut:

Maksudnya: *“Ada seorang pemuda bernama alqamah di zaman Rasulullah SAW, pemuda ini rajin ibadah dan banyak bersedekah, tiba-tiba dia sakit dan sangat berat sakitnya, maka isterinya menyuruh orang memanggil Rasulullah SAW dan memberitahu*

*baginda SAW yang suaminya berada dalam keadaan nazak. Nabi SAW menghantar Ammar Suhaib dan juga Bilal sambil berpesan: Pergilah menemuinya dan ajarkanlah kalimah syahadah kepadanya. Utusan Rasulullah SAW tersebut pergi ke kampung Alqamah ketika sampai mereka langsung kepadanya dan menuntutnya supaya membaca Laa Ilaaha Illa Allah, tetapi lidahnya bagaikan terkunci tidak dapat mengucapkannya, ketika para sahabat berasa bahawa Alqamah pasti akan mati, mereka menyuruh Bilal supaya pergi memberitahu hal itu kepada Rasulullah SAW. Rasulullah SAW langsung bertanya: Apakah dia masih mempunyai bapa dan ibu? Jawabnya bapanya telah meninggal, sedang ibunya masih hidup tetapi terlampau tua. Rasulullah SAW bersabda kepada Bilal: Ya Bilal, pergilah kepada ibunya dan sampaikan kepadanya salamku, dan katakana kepadanya: Jika engkau dapat berjalan pergi kepada Rasulullah SAW dan jika tidak dapat maka Rasulullah SAW akan datang ke sini. Jawab ibunya sayalah yang lebih layak pergi kepada Nabi SAW. Lalu dia mengambil tongkat dan berjalan hingga masuk ke rumah Nabi SAW dan sesudah memberi salam, dia duduk di hadapan Nabi SAW. Maka Nabi SAW bertanya: beritakan yang benar-benar kepadaku, jika engkau dusta kepadaku, nescaya akan turun wahyu memberitahu kepadaku: Bagaimana keadaan Alqamah? Jawabnya: Alqamah rajin sembahyang, puasa dan bersedekah sebanyak-banyaknya sehingga tidak diketahui berapa banyaknya. Nabi SAW bertanya: Lalu bagaimana hubunganmu dengan dia? Jawabnya: Saya murka kepadanya. Ditanya: Mengapa? Kerana dia mengutamakan isterinya lebih daripadaku, dan menurut isterinya dan menentangku. Maka Rasulullah bersabda: Murka ibunya itu yang mengunci (menutup) lidahnya untuk mengucap Laa Ilaaha Illa Allah. Kemudian Nabi SAW menyuruh Bilal supaya mengumpulkan kayu sebanyak-banyaknya untuk membakar Alqamah dengan api itu. Ibunya bertanya: Ya Rasulullah, puteraku, buah hatiku akan engkau bakar dengan api di depanku, bagaimana akan dapat menerima hatiku. Rasulullah SAW bersabda: Wahai ibu Alqamah, siksa Allah lebih berat dan kekal, kerana itu jika engkau ingin Allah mengampunkan dosa anakmu, maka relakanlah dia (engkau harus redha padanya), demi Allah yang jiwaku di tangannya, tidak akan berguna sembahyangnya, sedekahnya selama engkau murka kepadanya. Lalu ibu mengangkat kedua tangannya seraya berkata: Ya Rasulullah saya mempersaksikan Allah di langit dan engkau ya Rasulullah dan siapa yang hadir di tempat ini bahawa saya telah redha padanya Alqamah. Maka langsung Rasulullah SAW menyuruh Bilal pergi melihat keadaannya, apakah sudah mengucap Laa Ilaaha Illa Allah atau tidak, khawatir kalau-kalau ibunya mengucapkan itu hanya kerana malu pada Rasulullah dan tidak dari hatinya. Maka ketika Bilal sampai di pintu rumahnya, tiba-tiba terdengar suaranya*

*membaca Laa Ilaaha Illah Allah lalu Bilal masuk dan berkata: "Wahai kalian, sesungguhnya murka ibunya itu yang menutup lidahnya untuk mengucapkan syahadah, dan redhanya kini telah melepaskan lidahnya, maka meninggal dunia Alqamah pada hari itu, lalu datanglah Rasulullah SAW dan menyuruh supaya segera dimandikan dan dikafankan lalu disembahyangkan oleh Nabi SAW. Dan sesudah di kubur, Nabi SAW berdiri di atas tepi kubur, sambil berkata: Wahai sahabat muhajir dan ansar, siapa yang mengutamakan isterinya daripada ibunya maka dia terkena kutukan (laknat) Allah dan tidak diterima daripadanya ibadah fardhu dan sunatnya."*

Kisah ini tidak sahih menurut Imam Ibnu al Jauzi. Kisah ini dilaporkan daripada jalur Fa'id yang dituduh berdusta. Menurut Ibnu Hajar, beliau tidak menemui matan yang menyebut nama Alqamah dalam kisah berkenaan. Antara sumber lain yang menyebut kisah berkenaan ialah al-Dhuafa al-Kabir oleh al-Uqaili, al-Maudhu'at oleh Ibn al-Jauzi, Masawi al-Akhlaq oleh al-Kharaiti, Syu'ab al-Iman oleh al-Baihaqi, Dalail al-Nubuwwah oleh al-Baihaqi dan al-Tadwin fi Tarikh Qazwin oleh al-Qazwini (Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2018). Kisah Alqamah yang tidak dapat dipastikan asalnya wajar digantikan dengan hadith yang sahih oleh penulis teks khutbah Jumaat. Khutbah Jumaat patut dijadikan medan untuk menyampaikan dakwah dengan menyatakan hadith yang sahih. Oleh yang demikian, rujukan kandungan khutbah Jumaat terutama dalam dalil yang dimuatkan di dalam teks khutbah Jumaat perlu dipastikan terlebih dahulu.

- b) Hadith ini ditulis dalam teks Khutbah Jumaat Negeri Johor pada 5 Mei 2017 bersamaan 8 Syaaban 1439H.

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ رَجَبٌ  
قَالَ اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ وَبَارِكْ لَنَا فِي رَمَضَانَ  
(Riwayat Ahmad)

Maksudnya: "Daripada Anas bin Malik RA berkata: Adalah Rasulullah SAW apabila datangnya bulan Rejab, Rasulullah membaca doa (maksudnya) berkatilah kami dalam Rejab dan Syaban dan berkatilah kami dalam Ramadan."

- c) Hadith ini ditulis dalam teks Khutbah Jumaat Negeri Johor pada 6 Oktober 2017 bersamaan 16 Muharram 1439H.

إِنَّ أُمَّتِي لَا تَجْمَعُ عَلَى ضَلَالَةٍ، فَإِذَا رَأَيْتُمْ اخْتِلَافًا فَعَلَيْكُمْ بِالسَّوَادِ الْأَعْظَمِ

(Riwayat Ibnu Majah)

Maksudnya: “*Umatku tidak akan bersepakat di dalam perkara yang sesat, jika kamu melihat mereka itu berselisihan hendaklah kamu berpegang kepada kelompok jemaah yang tersebar.*”

- d) Hadith ini ditulis dalam teks Khutbah Jumaat Negeri Johor pada 2 Mac 2018 bersamaan 14 Jamadil Akhir 1439H.

عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ إِذَا رَأَيْتُمُ الرَّجُلَ يَعْتَادُ الْمَسْجِدَ

فَاشْهَدُوا لَهُ بِالْإِيمَانِ فَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى قَالَ: إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ

وَالْيَوْمِ الْآخِرِ...

(Riwayat Ahmad)

Maksudnya: “*Dari Rasulullah SAW bahawasanya Baginda bersabda (maksudnya): Apabila kamu melihat seorang lelaki sentiasa mengunjungi masjid, maka saksikanlah yang dia adalah seorang yang beriman. Maka Allah berfirman (maksudnya): Sesungguhnya yang (layak) memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu, ialah orang yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat ...*”

## KESIMPULAN

Khutbah Jumaat dilihat sebagai medium produktif untuk mendidik generasi muda selain menyampaikan kesahihan maklumat kepada masyarakat Islam. Pemilihan tajuk khutbah adalah penting bagi memastikan pendengar terdidik jiwanya selain menjadi panduan dalam kehidupan seharian. Bagi mendapatkan mutu penulisan yang lebih berkualiti beberapa perkara harus ditekankan antaranya adalah dengan membuat penambahbaikan dalam penulisan teks khutbah Jumaat Negeri Johor dengan menyeimbangkan tajuk-tajuk bagi ketiga-tiga kategori. Contohnya bagi kategori akidah, penekanan harus turut sama diberi kepada aspek beriman kepada malaikat, kitab, rasul serta qadha' dan qadar, bukan sahaja kepada aspek beriman kepada Allah dan Hari akhirat. Ini kerana aspek-aspek tersebut adalah amat penting dalam proses pembinaan dan pemeraksanaan akidah Muslim. Begitu juga bagi kategori Syariah, aspek muamalat, munakahat dan kenegaraan perlu diberi perhatian sepetimana aspek ibadah dalam penulisan teks khutbah Jumaat negeri Johor. Ianya penting bagi membudayakan konsep celik Syariah kepada

masyarakat umum. Bagi kategori akhlak pula, penekanan juga harus diberi kepada aspek akhlak terhadap alam sepertimana akhlak terhadap Allah dan manusia memandangkan ketiga-tiganya merupakan skop akhlak dalam Islam.

Penggunaan hadith pula sangat penting dalam mengukuhkan penyampaian tajuk khutbah Jumaat. Hal ini kerana hadith bertindak sebagai penguat kepada hujah atau dalil penting bagi mengesahkan fakta yang terdapat dalam teks khutbah. Sehubungan itu, penyelidik melihat penggunaan hadith sahih dan berautoriti sangat mustahak dalam penulisan khutbah Jumaat berbanding hadith dhaif. Penggunaan hadith dhaif boleh menimbulkan keraguan kepada pendengar, Walaupun ianya tidak salah untuk diketengahkan sebagai satu bentuk amalan positif dalam kalangan masyarakat, namun mendidik masyarakat mengutamakan hadith sahih sebagai sumber rujukan akan melahirkan masyarakat yang lebih berhati-hati dalam berhujah.

## RUJUKAN

- Abdullah Bin Mat dan Muhyidin Bin Hj Aziz (2003), *Konsep dan Falsafah Masjid*, Selangor: Intel Multimedia and Publication
- Abd Ganing Laekang, Analisis Lakuan Bahasa Terhadap Teks Khutbah Jumaat Negeri Selangor, *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor*, Bi1. No.1 2018
- Berita Harian, Kadar Indeks Jenayah Menurun, 2 Januari 2019
- Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, Bab Ma Ja fi Istiqbal al-Imam Wahuwa Yakhtub, no hadith 1126
- Ibn Manzur (1990), *Lisan al-Arab*, j.1 Beirut: Dar al-Fikr.
- Ghazali Darusalam, (2003), *Kajian Keberkesanan Penyampaian Khutbah Jumaat di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dlm Membangun Institusi Masjid*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Mohd Faizal Bin Mat Nasan (2002), "Isu-Isu Hukum Dalam Khutbah Jumaat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Satu Kajian Dari Tahun 1995-2000", Universiti Malaya Kuala Lumpur
- Mohd Norzi Nasir, Badrul Hisham Mahadzir, Siti Murshidah Mohd Zin. (2016). Kefahaman Terhadap Hadis Dhaif Yang Masyhur di Kalangan Mahasiswa Jabatan al-Quran dan al-Sunnah FPPI, KUIS. 2<sup>nd</sup> International Muzakarah & Mu'tamar On Hadith (IMAM2017)
- Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. (2016). Ringkasan Mengenai Pembentangan Kertas Kerja Seminar "Home of Hadith" (Pengamalan Hadith Dhoif. *Irsyad al-Hadith*, 68. From <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-al-hadith/1131-irsyad-al-hadith-siri-ke-68-ringkasan-mengenai-pembentangan-kertas-kerja-seminar-home-of-hadith-pengamalan-hadith-dhoif>.
- Muhammad Nashiruddin (2002), *Perbahasan Mengenai Khutbah Jumaat*, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa
- Muti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. (2018). *Hukum Menempatkan Ibumapa di Rumah Orang Tua*. Bayyan Linnas, 127. From

- <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/2294-bayan-linnas-siri-ke-127-hukum-menempatkan-ibubapa-di-rumah-orang-tua>
- Namri Sidek, Tiga Negeri Yang Mencatatkan Kadar Penceraian Tertinggi di Malaysia, 4 April 2019, Berita Harian
- Nor Raudhah Hj Siren & Mohamad Zaidi Abdul Rahman (2006), Strategi Mengurus Masjid, Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Zulkiple Abd Ghani (2003), Islam, Komunikasi, Teknologi Maklumat, Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributor
- Temubual bersama penulis teks khutbah Jumaat Negeri Johor Ustaz Mohd Hafiz bin Abdul Rahman Ketua Penolong Pengarah Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Negeri Johor pada 18 Februari 2020